

Hubungan antara Kesiediaan Institusi dan Guru PAKK dalam Pelaksanaan Pengajaran Secara Dalam Talian di Malaysia

(The Relationship between ECE Institution and Teachers' Readiness in Implementing Online Teaching in Malaysia)

Noorliana Athirah Rosliza^{1*} , Suziyani Mohamed² 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nlianosliza@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: suziyanimohamed@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Noorliana Athirah Rosliza
(nlianosliza@gmail.com)

KATA KUNCI:

Prasekolah
Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Pembelajaran dalam talian
Kesiediaan guru
Kesiediaan institusi

KEYWORDS:

Preschool
Early childhood education
Online learning
Readiness
Institutions readiness

CITATION:

Noorliana Athirah Rosliza & Suziyani Mohamed. (2023). Hubungan antara Kesiediaan Institusi dan Guru PAKK dalam Pelaksanaan Pengajaran Secara Dalam Talian di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002162.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2162>

ABSTRAK

Sektor pendidikan di Malaysia kini telah melalui evolusi penting selari dengan perkembangan semasa dunia berbanding sebelumnya. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian kini diimplementasikan secara meluas pada kesemua tahap pendidikan. Kesiediaan sesebuah institusi dalam menerima perubahan dipengaruhi oleh tahap kesiediaan guru bagi melaksanakan pembelajaran dalam talian ini. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kesiediaan institusi dan kesiediaan guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah pensampelan secara rawak yang menumpukan kepada tenaga pengajar PAKK yang mempunyai pengalaman mengajar secara dalam talian. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian bukan eksperimental iaitu kajian korelasi. Instrumen yang digunakan telah diadaptasi daripada kajian [Hondonga et al \(2021\)](#). Seramai 387 orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar secara dalam talian telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesiediaan institusi dan guru PAKK berada pada tahap yang sederhana. Kaedah analisis secara deskriptif telah dilakukan. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap kesiediaan institusi dan guru PAKK. Tambahan lagi, Masalah kekurangan peranti teknologi, kemudahan internet, minat pelajar, kaedah pengajaran, kekangan masa dan kemahiran interaksi secara dalam talian merupakan antara cabaran yang menghalang kaedah pengajaran yang berkesan pada peringkat awal kanak-kanak. Oleh itu, para guru, institusi dan ibu bapa perlu bersama-sama memainkan peranan agar kaedah pengajaran secara dalam talian ini dapat diaplikasikan selari dengan perkembangan dan pembangunan semasa dunia khususnya dalam pendidikan.

ABSTRACT

The education sector in Malaysia has now gone through an important evolution in line with the current development of the world. Online teaching and learning (OTL) methods are now widely implemented at all levels of Education. Institutions readiness to accept change is influenced by the teacher's level of readiness to implement online method of teaching. This study was conducted to identify the relationship between institution and teacher readiness in implementing OTL sessions. This study employed a quantitative research design with a random sampling method that focuses on early childhood education (ECE) teachers who have experiences in teaching online. Non-experimental correlational research design were use to identify relationships between variables. The instrument used was adapted from a study by [Hondonga et al \(2021\)](#). A total of 387 teachers in Malaysia were involved in this study. The results of the study show that the level of readiness of ECE institutions and teachers are at a moderate level. A descriptive analysis method was implemented. Findings show that there is a significant positive relationship between the level of readiness of ECE institutions and teachers. In addition, the problem of lack of technology devices, internet facilities, student interest, teaching methods, time constraints and online interaction skills are among the challenges that distrupts the effectiveness of the OTL method in the early stages of children. Therefore, teachers, institutions and parents need to play an important role so that OTL method can be applied in parallel with the current development of the world, especially in education.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada yang menyokong keberkesanan pembelajaran secara dalam talian serta menjadi salah satu daripada kajian yang menyiasat mengenai hubungan antara kesediaan guru dan institusi pendidikan awal kanak-kanak terhadap pengendalian pengajaran secara dalam talian.

1. Pengenalan

Kesediaan organisasi memainkan peranan yang penting bagi memastikan ahli organisasi tersebut bersedia bagi menghadapi pembaharuan. Pembaharuan seperti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan perubahan yang drastik dilakukan semenjak penularan wabak covid-19. Pelbagai cabaran telah dilalui oleh guru dan institusi pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) sepanjang pengendalian kelas secara dalam talian. Sehingga kini, kaedah pembelajaran secara dalam talian masih lagi digunakan di beberapa buah institusi pendidikan termasuklah institusi PAKK. [Weiner \(2009\)](#) menyatakan bahawa kesediaan guru dan institusi memberi kesan kepada keberkesanan hasil kerja. Dalam konteks pendidikan pula, kesediaan guru bagi melaksanakan pengajaran menyumbang kepada peningkatan dari segi keberkesanan pembelajaran di kalangan pelajar. Manakala dari segi institusi, ia memberi kesedaran kepada institusi pendidikan untuk sentiasa bersedia apabila menghadapi pembaharuan.

Hal ini kerana kesediaan organisasi ini merupakan penyumbang terbesar kepada kesediaan ahli suatu organisasi.

Seperti yang dinyatakan, bagi menghadapi sebuah pembaharuan, suatu institusi perlulah bersedia dari pelbagai segi untuk mempersiapkan guru bagi menghadapi pembaharuan tersebut. Selari dengan teori kesediaan organisasi terhadap perubahan, kesediaan organisasi untuk berubah bergantung kepada sejauh mana ahli organisasi menghargai perubahan yang dilakukan berdasarkan tiga penentu keupayaan kesediaan yang utama iaitu; tuntutan tugas, kesediaan sumber yang cukup serta faktor situasi terkini (Weiner, 2009). Weiner (2009) menegaskan bahawa jika kesediaan organisasi adalah tinggi, maka tahap kesediaan ahli organisasi terhadap suatu perubahan adalah tinggi.

Kesediaan organisasi terhadap perubahan merujuk kepada bagaimana persediaan sesebuah organisasi untuk berhadapan dengan pembaharuan berdasarkan keadaan semasa sebelum melaksanakan perubahan. Seperti yang disarankan oleh pakar pengurusan perubahan melalui pusat peningkatan kualiti bagi perkembangan pekerjaan (QICWD), apabila kesediaan sesebuah organisasi adalah tinggi, sesebuah organisasi tersebut lebih mampu untuk melaksanakan serta mengekalkan perubahan tersebut pada jangka masa yang panjang. Secara tidak langsung, ahli organisasi juga akan lebih cenderung untuk bersedia dari segi kesungguhan dan tingkah laku bagi mendepani cabaran selari dengan perubahan yang dilakukan. Dziuban et al. (2004) menggariskan empat tunjang utama bagi menentukan kesediaan sesebuah organisasi bagi meningkatkan keupayaan organisasi tersebut untuk mengimplementasikan penggunaan teknologi secara berkesan. Empat tunjang utama terhadap kesediaan organisasi bagi penggunaan teknologi adalah kepimpinan (*leadership*), tadbir urus (*governance*), kecekapan (*competencies*) dan teknologi (*technology*). Keempat-empat tunjang utama kesediaan organisasi bagi mengimplementasikan penggunaan teknologi ICT ini adalah penting bagi memastikan keberkesanan sesebuah organisasi dalam jangka masa yang panjang. Jika salah satu daripada empat tunjang kesediaan organisasi ini tidak dapat dilakukan dengan baik, maka sesebuah organisasi tersebut mungkin tidak dapat mencapai kejayaan dalam jangka masa yang Panjang

Kesediaan guru juga memainkan peranan penting bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berkesan. Melalui model kompetensi kesediaan guru yang dirangka oleh Martin et al. (2019) dan Paliwal et al. (2021) telah mengemukakan empat aspek kompetensi atau kecekapan yang menentukan kesediaan guru bagi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Empat kompetensi tersebut ialah kecekapan reka bentuk kursus (*course design competency*), kecekapan komunikasi (*communication competency*), kecekapan pengurusan masa (*time management competency*) dan kecekapan teknikal (*technical competency*). Kaedah pengajaran yang berkesan bergantung kepada kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran tersebut. Empat jenis kompetensi yang dinyatakan ini perlu diberi perhatian oleh guru. Hal ini kerana, keempat kecekapan ini mampu menentukan keberkesanan pengajaran secara dalam talian. Selain itu, pendekatan yang sesuai juga perlu diaplikasikan bagi memaksimumkan keberkesanan pengajaran.

Kesediaan guru dan institusi terhadap kaedah pengajaran secara dalam talian adalah sangat penting bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran serta dapat meningkatkan pencapaian murid. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memenuhi persoalan kajian iaitu mengenal pasti tahap kesediaan dan hubungan antara guru dan institusi PAKK

serta cabaran yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan pengajaran secara dalam talian. Terdapat empat objektif kajian iaitu;

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan guru pendidikan awal kanak-kanak dalam pengendalian pengajaran secara dalam talian.
- ii. Mengenal pasti tahap kesediaan institusi pendidikan awal kanak-kanak bagi pengendalian pengajaran secara dalam talian.
- iii. Menentukan hubungan antara tahap kesediaan institusi dan tahap kesediaan guru bagi pengendalian pengajaran secara dalam talian.

2. Sorotan Literatur

[Mohammadi et al. \(2021\)](#) dalam kajian mengenai faktor dan cabaran yang mempengaruhi penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) semasa pandemik covid-19 mendapati bahawa kementerian pendidikan tinggi di negara Afghanistan serta pihak universiti tidak merangka sebarang prosedur, polisi atau dokumen bagi memudahkan penggunaan HELMS iaitu sistem pengurusan pembelajaran (LMS) secara dalam talian. Ketiadaan sebarang dokumen bertulis secara rasmi ini telah menyebabkan matlamat, visi, objektif, garis panduan, peranan, tanggungjawab serta prosedur tidak dijelaskan dengan baik. Dapatan kajian ini menunjukkan ketidaksediaan organisasi terhadap pembaharuan telah membebankan pengajar, sekretariat fakulti dan kakitangan pentadbiran institusi. Menurut kajian ini lagi, kesan daripada kurang kesediaan organisasi terhadap pembaharuan ini menyebabkan timbulnya masalah seperti kurang komitmen dan penentangan terhadap perubahan oleh pensyarah dan pihak pentadbiran fakulti terhadap penggunaan sistem pengurusan pembelajaran secara dalam talian ini. Selari dengan kajian ini, [Kibaru \(2018\)](#) menggariskan bahawa sokongan dari pihak atasan institusi pendidikan adalah penting bagi merangka reka bentuk kursus yang baik. Tambahan lagi, [Kibaru \(2018\)](#) berpendapat bahawa pihak fakulti institusi pendidikan perlu meningkatkan struktur pengurusan pengajaran secara dalam talian. Kualiti kursus juga perlu ditingkatkan melalui sistem penilaian prestasi fakulti yang memberi perhatian kepada kecemerlangan pengajaran. [Kibaru \(2018\)](#) juga menegaskan bahawa pengetahuan teknologi, penyediaan infrastruktur, perangkaan reka bentuk pengajaran & reka bentuk kursus secara dalam talian adalah amat penting bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pengajaran dapat dicapai.

[Garrett et al. \(2019\)](#) menegaskan bahawa apabila pembaharuan dilaksanakan, latihan dan kursus yang berkaitan perlu diberi keutamaan bagi kesemua peringkat institusi pendidikan. Diikuti oleh reka bentuk pengajaran dan sokongan dan dorongan oleh pihak berkaitan. Tambahan lagi, pelaksanaan latihan dan kursus bagi kesediaan pengajaran secara dalam talian bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti pengajaran, malah ia juga dapat meningkatkan keyakinan guru bagi melaksanakan pengajaran secara efisien ([Garrett et al., 2019](#)). Berbeza dengan dapatan kajian oleh [Pedro dan Kumar \(2020\)](#) dimana beliau menegaskan bahawa sokongan dari segi teknologi seperti kemudahan kepada penggunaan infrastruktur, teknologi dan rangkaian internet adalah sangat penting bagi menjamin kualiti pendidikan secara dalam talian. Seperti yang digariskan oleh [Kibaru \(2018\)](#), apabila sesebuah institusi melaksanakan pembaharuan daripada kaedah pengajaran tradisional kepada kaedah pengajaran secara dalam talian atau menawarkan kursus secara dalam talian, "institusi pendidikan tersebut bertanggungjawab sepenuhnya dengan mengkonseptualisasikan semula tujuan pengajaran, cara pengajaran, kandungan pengajaran, cara menilai pembelajaran dan kaedah bagi memudahkan pembelajaran secara dalam talian dijalankan". Selari dengan pernyataan tersebut, masalah ketidaksediaan organisasi tidak sewajarnya berlaku.

Kajian perbandingan tenaga pengajar daripada dua negara iaitu German dan Amerika Syarikat mengenai kesediaan fakulti oleh [Martin et al. \(2019\)](#) mengemukakan satu model kompetensi yang merangkumi empat aspek utama yang mempengaruhi kesediaan guru dan fakulti. Antara aspek tersebut ialah reka bentuk kursus (*course design*), komunikasi (*communication*), pengendalian masa (*time management*) dan teknikal (*technical*). Selanjutnya, kajian oleh [Paliwal et al. \(2021\)](#) telah menggunakan model kompetensi tersebut dalam kajian mengenai kesediaan guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran semasa penularan wabak covid-19. Sampel kajian ini terdiri daripada guru di institusi pengajian tinggi, India. Berdasarkan empat aspek tersebut, [Paliwal et al \(2021\)](#) mengemukakan satu kerangka kompetensi menunjukkan hubungan antara aspek kompetensi reka bentuk kursus, kompetensi komunikasi, kompetensi pengurusan masa dan kompetensi teknikal terhadap kesediaan guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

[Tai dan Suziyani \(2022\)](#) dalam kajian mereka menunjukkan tahap kesediaan guru berdasarkan tiga aspek utama iaitu pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru berada pada tahap yang sederhana. Tiga aspek yang sama juga digunakan oleh kajian [Monogharan et al. \(2018\)](#) di mana beliau menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif bagi kesediaan dan pengetahuan guru. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan oleh [Lee \(2014\)](#) di mana beliau menggariskan enam kemahiran penting bagi memastikan pengajaran secara dalam talian dapat dijalankan secara berkesan. Enam kemahiran tersebut adalah; interaksi (*interaction*), pengurusan (*management*), reka bentuk pengajaran (*instructional design*), teknologi (*technology*), pengetahuan kandungan (*content knowledge*) dan kemahiran berpasukan (*teamwork skills*).

Pengintegrasian teknologi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran sudah diperkenalkan sejak dahulu lagi, walau bagaimanapun, majoriti guru enggan menggunakan kaedah tersebut dalam pengendalian kelas masing-masing. Keengganan ini menjejaskan tahap kesediaan guru dalam penggunaan teknologi maklumat dalam sesi pembelajaran khususnya secara dalam talian. Kajian tinjauan oleh [Quah et al. \(2021\)](#) dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan pensyarah dan tahap penguasaan kemahiran teknologi terhadap pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di Kolej Komuniti Sungai Petani. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran pensyarah berada di peringkat sederhana. Manakala terdapat perbezaan terhadap tahap penguasaan teknologi dengan tahun berkhidmat.

[Gherhes et al. \(2021\)](#) menjalankan kajian analisis mengenai tingkah laku dan pendapat pelajar mengenai pembelajaran dalam talian dan pembelajaran secara bersemuka. Kajian yang melibatkan seramai 604 orang pelajar daripada Universiti Timisoara telah terlibat bagi mengemukakan pendapat mereka terhadap kedua kaedah pembelajaran ini. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang terlibat lebih mengutamakan pembelajaran secara bersemuka berbanding pembelajaran secara dalam talian. Walau bagaimanapun, responden yang terlibat juga menyatakan terdapat beberapa aspek positif terhadap pembelajaran secara dalam talian. Antaranya ialah, pembelajaran secara dalam talian menjimatkan masa, fleksibel serta maklumat yang terdapat dalam talian mudah diakses. Manakala aspek negatif terhadap pembelajaran dalam talian jika dibandingkan dengan pembelajaran secara bersemuka pula ialah kekurangan interaksi sosial antara rakan sebaya. Kajian ini menyatakan bahawa interaksi sosial antara pelajar adalah penting. Oleh itu kaedah pembelajaran secara bersemuka tidak boleh dihapuskan sepenuhnya.

Kajian oleh [Quinn dan Gray \(2020\)](#) dilakukan bertujuan untuk mengkaji sejauh mana penggunaan teknologi melalui aplikasi Moodle dapat digunakan bagi meramal pencapaian akademik pelajar dalam suasana pembelajaran secara pencampuran (*blended learning*). Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan data pelajar daripada aplikasi Moodle dapat meramal gred pelajar mengikut susunan abjad sama ada pelajar tersebut lulus atau gagal dalam sesuatu kursus yang diambil. Tambahan lagi, dalam jangka masa selama 10 minggu, aplikasi Moodle dapat mengenal pasti pelajar yang gagal dalam kursus tersebut seramai 23 orang di mana jumlah pelajar gagal adalah seramai 51 orang. Melalui kajian ini, [Quinn dan Gray \(2020\)](#) menyatakan bahawa dapatan gred pelajar melalui aplikasi Moodle ini membantu tetapi ia tidak cukup untuk mengenal pasti jumlah pelajar yang gagal atau lulus secara tepat. Walau bagaimanapun, kajian ini telah membuktikan bahawa peranan aplikasi secara dalam talian ini bukan sahaja berlandaskan kepada pendidikan secara dalam talian, malah ia juga digunakan bagi memperoleh gred, markah serta maklumat pelajar bagi tujuan penilaian dan sebagainya.

Dapatan kajian [Ferianda et al. \(2018\)](#) menunjukkan bahawa kaedah gamifikasi dapat meningkatkan kadar interaksi antara pelajar dan platform yang digunakan semasa pembelajaran dalam talian. Bagi memperoleh tingkat interaksi yang tinggi terhadap pelajar, empat elemen ditekankan dalam mengimplementasikan kaedah gamifikasi dalam kajian ini. Antara empat elemen tersebut ialah *points*. *Points* akan diperolehi setiap kali pelajar berinteraksi bersama platform yang digunakan seperti melibatkan diri dalam perbincangan, kuiz dan sebagainya. *Badges* digunakan apabila pelajar berjaya mencapai sesuatu tahap tertentu. *Leaderboard* memaparkan pencapaian semata hasil daripada pengumpulan kesemua mata atau *points* oleh pelajar. Akhir sekali ialah *reward* dimana ia merupakan elemen yang diperolehi melalui pengajar kepada pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran secara dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah gamifikasi dalam pelajaran ini dapat meningkatkan sikap terhadap penggunaan teknologi (*attitude toward using technology*), penggunaan teknologi sebenar (*actual technology use*), kelakuan penggunaan (*perceived of usefulness*) dan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) terhadap pelajar.

Kajian mengenai pengaruh teknologi digital terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris oleh [Idaryani dan Fidyati \(2021\)](#) menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan mampu meningkatkan motivasi pelajar serta meninggalkan kesan positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris. Sebagai contoh, platform LMS seperti Kahoot meningkatkan motivasi pelajar dengan cara merangsang semangat persaingan yang positif di kalangan pelajar. Tambahan lagi, hasil kajian mendapati bahawa penggunaan teknologi ini memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada pelajar. Kesan daripada penggunaan alat digital ini, pelajar dapat memperoleh pengalaman pembelajaran yang positif serta dapat meningkatkan tingkah laku yang positif terhadap pelajar. Selari dengan konsep motivasi Doneyi, komponen diri yang ideal seperti motivasi diri adalah penting bagi memastikan proses pembelajaran bahasa kedua dalam jangka masa yang panjang dapat dilakukan.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian bukan eksperimental iaitu kajian korelasi. Reka bentuk kajian kuantitatif ini digunakan bagi memerihalkan dan mengukur darjah perkaitan antara dua

pemboleh ubah. Seterusnya, analisis deskriptif digunakan bagi menjelaskan secara statistik dan terperinci mengenai dapatan kajian berkaitan dengan kesediaan institusi dan guru PAKK serta cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

3.2. Sampel kajian

Populasi dalam kajian ini adalah guru pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, guru yang mempunyai pengalaman mengajar kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun, perempuan dan lelaki dan mempunyai pengalaman mengajar secara dalam talian. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 383 orang guru prasekolah atau tadikadi Malaysia yang mempunyai pengalaman mengajar secara dalam talian. pemilihan saiz sampel iaitu seramai 383 orang adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#).

3.3. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik hasil adaptasi daripada kajian terdahulu iaitu kajian oleh [Hondonga et al. \(2021\)](#) yang berjudul *Online Teaching Of TVET Courses: An Analysis Of Botswana Private Tertiary Education Providers Responsiveness To The Covid-19 Pandemic Learning Disruptions*. Set soal selidik ini dilihat relevan bagi pengkaji memperoleh data dan maklumat untuk merumuskan dapatan kajian. Berdasarkan instrumen soal selidik asal, terdapat pelbagai elemen yang merangkumi tahap persediaan pensyarah, pelajar dan kolej, serta cabaran yang dihadapi oleh kolej BAPTEP melalui sesi pengajaran dalam talian. Walau bagaimanapun, hanya dua elemen daripada set soal selidik tersebut dipilih. dua elemen tersebut adalah mengenai kesediaan pensyarah dan kesediaan institusi dipilih bagi memenuhi persoalan kajian. Bilangan item yang terdapat dalam instrumen ini adalah seperti [Jadual 1](#).

Jadual 1: Instrumen kajian

Bahagian	Elemen	Bil.	Sumber
Bahagian A	Jantina	1	Hondonga et al. (2021)
	Jumlah tahun berkhidmat	2	
	Lokasi institusi (bandar & luar bandar)	3	
	Lokasi institusi (Negeri)	4	
	Kekerapan menghadiri kursus penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi	5	
Bahagian B	Tahap kesediaan guru	1-8	
bahagian C	Tahap kesediaan institusi	1-8	

3.4. Prosedur pengumpulan data

Seterusnya, borang soal selidik ini akan diedarkan melalui dua kaedah. Kaedah pertama adalah pengedaran secara dalam talian melalui aplikasi *google form*. Kaedah seterusnya adalah melalui pengedaran borang soal selidik secara fizikal. Prosedur seterusnya adalah dengan memasukkan kesemua data yang diperolehi ke dalam komputer menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* untuk diproses dan dianalisis bagi memperoleh tahap kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

3.5. Prosedur analisis data

Pada bahagian ini, objektif kajian akan dihuraikan selari dengan hasil analisis dapatan kajian yang diperoleh bagi menjawab persoalan kajian yang ditetapkan. Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama dan kedua, tahap tafsiran skor min oleh [Huang dan Hew \(2016\)](#) digunakan seperti [Jadual 2](#).

Jadual 2: Tafsiran Skor Min

Jumlah skor	Tahap kesediaan guru dan institusi
4.00-5.00	Tinggi
3.50-3.99	Sederhana tinggi
3.00-3.49	Sederhana
<3.00	Rendah

Sumber: [Huang dan Hew \(2016\)](#)

Seterusnya, statistik inferensi dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan yang wujud antara dua pemboleh ubah yang berbeza. Ujian kenormalan yang dilakukan menunjukkan taburan data adalah bertaburan secara normal. Oleh itu ujian para metrik dapat dilakukan. Dalam kajian ini, jenis analisis inferensi yang digunakan adalah ujian korelasi pearson. Statistik inferensi korelasi pearson ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian ke 3 dan hipotesis kajian yang ditetapkan seperti berikut;

Persoalan kajian 3: Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan institusi dan tahap kesediaan guru pendidikan awal kanak-kanak bagi pelaksanaan pengajaran secara dalam talian?

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesediaan guru dan tahap kesediaan institusi pendidikan awal kanak-kanak terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Seterusnya, bagi mendapat interpretasi pangkat dan kekuatan korelasi adalah ditentukan berdasarkan "*Guildford rule of thumb*" yang diperkenalkan pada tahun 1956 seperti yang dipaparkan pada [Jadual 3](#).

Jadual 3: Interpretasi mengikut saiz pekali korelasi

Saiz pekali korelasi	Interpretasi
0.90 hingga 1.00	Korelasi amat tinggi
0.70 hingga 0.90	Korelasi tinggi
0.50 hingga 0.70	Korelasi sederhana
0.30 hingga 0.50	Korelasi rendah
0.10 hingga 0.30	Korelasi lemah
0.00	Tiada korelasi

Sumber: [Guilford \(1956\)](#)

Akhir sekali, dapatan analisis inferensi ini digunakan untuk membandingkan dengan teori kesediaan organisasi untuk berubah berdasarkan teori konseptual kajian yang dinyatakan. [Jadual 4](#) menunjukkan kaedah analisis secara keseluruhan bagi setiap soalan kajian.

Jadual 4: Metod analisis deskriptif

Soalan kajian/Pemboleh ubah	Soal selidik	Analisis
Tahap kesediaan guru	Bahagian B, Item 1-8	Skor Min
Tahap kesediaan institusi	Bahagian C, Item 1-8	Skor Min
Hubungan antara tahap kesediaan guru dan institusi	Bahagian B + Bahagian C & Hipotesis 1	Korelasi pearson

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi peserta kajian

Jadual 5 menunjukkan taburan profil responden yang melibatkan seramai 387 orang guru. Berdasarkan [Jadual 5](#), majoriti responden yang terlibat adalah terdiri daripada kalangan guru perempuan (93.8%) berbanding guru lelaki (6.2%).

Jadual 5: Demografi responden

	Kategori	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	24	6.2
	Perempuan	363	93.8
	<10 tahun	250	64.6
Pengalaman Mengajar Secara Dalam Talian	10-15 tahun	83	21.4
	>15 tahun	54	14.0
Lokasi Institusi (Negeri)	Perlis	0	0
	Selangor	114	29.5
	Pahang	18	4.7
	Sarawak	4	1.0
	Kedah	28	7.2
	Negeri sembilan	1	0.3
	Terengganu	105	27.1
	Sabah	7	1.8
	Perak	4	1.0
	Melaka	6	1.6
	Kelantan	22	5.7
	Pulau pinang	25	6.5
	Johor	28	7.2
	Wilayah persekutuan	25	6.5
Kawasan Institusi	Bandar	219	56.6
	Luar bandar	168	43.4
Penglibatan Dalam Kurus Pengajaran Secara Dalam Talian	>5 kali	149	38.5
	<5 kali Tidak pernah	150	38.8
		88	22.7

Bagi pengalaman mengajar pula, guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun adalah seramai 250 orang (64.6%). Manakala bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 10 hingga 15 tahun pula, dicatatkan seramai 83 orang (21.4%). Akhir sekali, bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 15 tahun, seramai 54 orang (14.0%) yang terlibat. [Jadual 5](#) menunjukkan bahawa peratusan tertinggi bagi penglibatan sampel adalah dari Selangor dengan 114

orang guru (29.5%), diikuti oleh Terengganu, seramai 105 orang guru (27.1), 28 orang guru Johor (7.2%) dan Kedah (7.2%), 25 orang bagi guru Pulau Pinang (6.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (6.5%). Seterusnya 22 orang guru Kelantan (6.5%), 18 orang guru Pahang (4.7), 7 orang guru Sabah (1.8%), 6 orang guru Melaka (1.6%), 4 orang guru Perak (1.0%) dan Sarawak (1.0%) dan akhir sekali 1 orang guru Negeri Sembilan (0.3%).

Bagi kawasan institusi pula, majoriti responden yang terlibat telah atau sedang berkhidmat di kawasan bandar (56.6%) berbanding kawasan luar bandar (43.4%). Akhir sekali, bagi kekerapan penglibatan diri dalam kursus yang berkaitan dengan pengendalian kelas secara dalam talian atau penggunaan teknologi, seramai 150 orang guru (38.8%) telah terlibat kurang dari 5 kali, diikuti oleh 149 orang guru (38.5 %) yang telah melibatkan diri lebih daripada 5 kali. Selebihnya, iaitu seramai 88 orang guru (22.7%) tidak pernah melibatkan diri dalam kursus penggunaan teknologi mahupun pengendalian kelas secara dalam talian.

4.2. Tahap kesediaan guru PAKK

Berdasarkan [Jadual 6](#), hasil analisis deskriptif yang diperoleh menunjukkan bahawa guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai peranti teknologi seperti komputer dan capaian internet yang baik (68.2%) serta mempunyai kemahiran untuk berinteraksi dengan pelajar menggunakan aplikasi dalam talian (63.9%).

Jadual 6: Tahap kesediaan guru (KG = KESEDIAAN GURU)

Kod	Item	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
KG1	Saya mempunyai komputer dan capaian internet di rumah	27 (7.0%)	60 (15.5%)	36 (9.3%)	166 (42.9%)	98 (25.3%)
KG2	Saya mempunyai kemahiran untuk berinteraksi dengan pelajar melalui penggunaan aplikasi dalam talian	31 (8.0%)	49 (12.7%)	60 (15.5%)	179 (46.3%)	68 (17.6%)
KG3	saya menghadapi kesukaran untuk mengakses dan menggunakan aplikasi secara dalam talian	28 (7.2%)	87 (22.5%)	57 (14.7%)	128 (33.1%)	87 (22.5%)
KG4	Saya mendapati pengajaran dalam talian sangat berkesan	63 (16.3%)	140 (36.7%)	97 (25.1%)	57 (14.7%)	30 (7.8%)
KG5	Saya bersedia menempuh cabaran dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian	26 (6.7%)	56 (14.5%)	97 (25.1%)	144 (37.2%)	64 (16.5%)
KG6	Saya mempunyai motivasi dan rasa ingin tau untuk mempelajari sesuatu yang baharu	22 (5.7%)	14 (3.6%)	61 (15.8%)	187 (48.3%)	103 (26.6%)
KG7	Saya selalu menggunakan aplikasi dalam talian kerana ia adalah mesra pengguna	12 (3.1%)	70 (18.1%)	66 (17.1%)	141 (36.4%)	98 (25.3%)

KG8	Saya sentiasa bersedia untuk menyediakan bahan pengajaran melalui aplikasi secara dalam talian	27 (7.0%)	62 (16%)	76 (19.6%)	144 (37.2%)	78 (20.2%)
	PURATA		MIN	SP	TAHAP	
			3.44	.83	Sederhana	

Jadual 6 menunjukkan bahawa sesetengah guru PAKK yang terlibat dalam kajian ini menghadapi kesukaran untuk mengakses dan menggunakan aplikasi dalam talian di rumah (55.6%) manakala selebihnya tidak mempunyai masalah untuk mengakses aplikasi secara dalam talian di rumah (29.7%). Seterusnya, bagi pendapat mengenai keberkesanan pembelajaran secara dalam talian, majoriti guru yang terlibat mendapati bahawa pengajaran dalam talian adalah kurang berkesan (53%). Sesetengah guru yang terlibat menyatakan bahawa mereka sentiasa bersedia menempuh cabaran dalam pelaksanaan pengajaran secara dalam talian (53.7%) dan menyediakan bahan pengajaran menggunakan aplikasi secara dalam talian (57.4%). Bagi dua item terakhir, analisis deskriptif menunjukkan bahawa guru yang terlibat mempunyai motivasi dan rasa ingin tahu yang tinggi untuk mempelajari sesuatu yang baru (74.9%). Mereka juga kerap menggunakan aplikasi dalam talian kerana ia adalah mesra pengguna (61.7%). Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berada pada tahap sederhana ($M = 3.44$).

4.3. Tahap kesediaan institusi PAKK

Jadual 7 menunjukkan frekuensi dan peratus bagi setiap item tahap kesediaan institusi PAKK dalam pengendalian pengajaran secara dalam talian. Analisis deskriptif yang diperoleh dalam kajian ini menunjukkan bahawa, institusi PAKK mempunyai platform pengajaran dalam talian (58.9%). Aplikasi dalam talian juga telah diperkenalkan dan digunakan oleh institusi (65.9%). Manakala bagi kemudahan sumber dan infrastruktur pula, **Jadual 7** menunjukkan bahawa 43.1% guru menyatakan bahawa institusi tidak menyediakan sumber dan infrastruktur yang mencukupi. Data yang diperoleh oleh para guru PAKK ini juga menyatakan bahawa platform dalam talian adalah tidak berkesan (47.3%). Manakala 32.6% guru menyatakan bahawa ianya sangat berkesan digunakan semasa pengendalian kelas secara dalam talian. Bagi item kelima, 66.2% guru bersetuju dan sangat bersetuju bahawa ibu bapa, pelajar dan guru mengetahui mengenai kewujudan penggunaan aplikasi secara dalam talian di institusi. Bagi penyediaan latihan penggunaan aplikasi secara dalam talian yang disediakan oleh institusi pula, 50.6% guru menyatakan institusi menyediakan latihan penggunaan teknologi. Bagi item yang seterusnya iaitu mengenai keberkesanan penyampaian pengajaran melalui aplikasi yang diperkenalkan oleh institusi, 39.0% guru bersetuju dan sangat bersetuju. Manakala 35.6% berpendapat sebaliknya. Akhir sekali, 51.7% guru menyatakan bahawa institusi menyediakan kemudahan aplikasi secara dalam talian yang membolehkan guru memantau pembelajaran murid. Secara keseluruhan, tahap kesediaan institusi terhadap pengendalian pengajaran secara dalam talian berada pada tahap yang sederhana ($M = 3.21$).

Jadual 7: Tahap kesediaan institusi

Kod	Item	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
KI1	Institusi mempunyai platform pengajaran dalam talian	51 (13.2%)	57 (14.7%)	51 (13.2%)	164 (42.4%)	64 (16.5%)
KI2	Aplikasi secara dalam talian telah digunakan dan diperkenalkan oleh institusi	52 (13.4%)	46 (11.9%)	34 (8.8%)	178 (46.0%)	77 (19.9%)
KI3	Institusi pendidikan awal kanak-kanak (tadika/prasekolah) mempunyai infrastruktur dan sumber yang mencukupi untuk memudahkan pengajaran dalam talian	76 (19.6%)	91 (23.5%)	40 (10.3%)	120 (31.0%)	60 (15.5%)
KI4	Platform dalam talian dapat digunakan dengan berkesan untuk mengajar	54 (14.0%)	129 (33.3%)	78 (20.2%)	96 (24.8%)	30 (7.8%)
KI5	Para guru, ibubapa dan pelajar mengetahui kewujudan penggunaan aplikasi secara dalam talian di institusi	16 (4.1%)	47 (12.1%)	68 (17.6%)	171 (44.2%)	85 (22%)
KI6	Guru dan pelajar telah dilatih untuk menggunakan aplikasi secara dalam talian bagi sesi pdpr	50 (12.9%)	83 (21.4%)	58 (15.0%)	113 (29.2%)	83 (21.4%)
KI7	Aplikasi secara dalam talian yang digunakan oleh institusi mampu menyampaikan bahan pengajaran dengan berkesan	62 (16.0%)	76 (19.6%)	98 (25.3%)	104 (26.9%)	47 (12.1%)
KI8	Institusi menyediakan kemudahan aplikasi secara dalam talian yang membolehkan guru memantau pembelajaran murid	51 (13.2%)	86 (22.2%)	50 (12.9%)	131 (33.9%)	69 (17.8%)
	PURATA		MIN	SP	TAHAP	
			3.21	.	Sederhana	

Nota: KI = Kesediaan Institusi

4.4. Hubungan antara tahap kesediaan guru dan institusi PAKK

Bagi menjawab persoalan kajian mengenai hubungan antara kedua konstruk iaitu tahap kesediaan guru dan tahap kesediaan institusi PAKK, analisis korelasi dijalankan. Ujian korelasi dijalankan adalah untuk mengenal pasti atau melihat hubungan antara dua pemboleh ubah yang berbeza. Ujian korelasi ini juga dilakukan untuk meninjau dan

menjawab hipotesis kajian. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian korelasi pearson (r). Hal ini kerana, pada analisis andaian, taburan data didapati normal kepada semua pemboleh ubah. Analisis ini dilakukan bagi melihat adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan institusi PAKK terhadap tahap kesediaan guru PAKK bagi pelaksanaan pengajaran secara dalam talian.

Dalam ujian korelasi pearson ini, nilai korelasi adalah di antara lingkungan -1 hingga 1 . Bagi menentukan sama ada terdapat hubungan negatif atau positif, skor akan dipaparkan dengan tanda '+' atau '-'. Nilai tahap signifikan (p) hendaklah tidak melebihi 0.05 ($p < 0.05$). Dalam kajian ini, hubungan korelasi adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan atau sebaliknya terhadap dua pemboleh ubah yang ditetapkan.

Berdasarkan [Jadual 8](#), hasil hipotesis jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan dengan tahap kesediaan institusi pendidikan awal kanak-kanak. Nilai r adalah 0.377 manakala nilai p ialah 0.001 , iaitu lebih kecil daripada 0.05 ($r = 0.377$, $p < 0.05$). Hasil analisis deskriptif korelasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara tahap kesediaan institusi dan tahap kesediaan guru.

Jadual 8: Analisis korelasi

		Tahap kesediaan guru
Tahap kesediaan institusi	r	0.377
	Sig. (2-tailed)	0.001
	N	387

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesediaan guru dan tahap kesediaan institusi pendidikan awal kanak-kanak terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Walau bagaimanapun, berdasarkan [Jadual 3](#) iaitu jadual interpretasi pangkat dan kekuatan korelasi, nilai pekali korelasi yang diperoleh iaitu ($r = 0.377$) menunjukkan bahawa hubungan antara tahap kesediaan institusi dan guru PAKK terhadap pelaksanaan pengajaran secara dalam talian berada pada tahap korelasi yang rendah. Secara rumusnya, dapatan analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara tahap kesediaan guru dan institusi PAKK terhadap pelaksanaan pengajaran dalam talian tetapi hubungan tersebut adalah rendah. Oleh itu, hipotesis null ditolak.

5. Perbincangan Kajian

Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan kelas secara dalam talian menunjukkan bahawa kesediaan guru PAKK di Malaysia berada pada tahap yang sederhana ($M = 3.44, SP = .83$). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang diperoleh oleh [Tai dan Suziyani \(2022\)](#) di mana tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru berada pada tahap yang sederhana. Di Filipina, kajian mengenai tahap kesediaan guru juga dilakukan oleh [Cabelles dan Panol \(2021\)](#) di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dari segi teknikal dan pedagogi berada pada tahap yang sederhana. Tahap kesediaan guru perlu ditingkatkan bagi menentukan strategi, langkah dan intervensi yang perlu diambil bagimemajukan kaedah pembelajaran secara dalam talian in pada masa akan datang ([Polat et al, 2022](#)).

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kebanyakan guru lebih memilih untuk menggunakan aplikasi secara dalam talian bagi sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Selari dengan kajian [Baek et al. \(2008\)](#), beliau menggariskan enam sebab utama guru memilih untuk menggunakan komputer dan teknologi maklumat dalam sesi pembelajaran. Antara faktor utama adalah ia dapat meningkatkan motivasi guru semasa penggunaan teknologi di dalam bilik darjah, dapat menarik minat dan fokus pelajar apabila teknologi digunakan, ia memudahkan guru untuk mengendalikan bahan secara digital bagi menyalin, menyunting dan berkongsi dokumen dan maklumat, menjimatkan masa dan tenaga secara fizikal, memudahkan proses penyediaan bahan pengajaran dan akhir sekali dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran yang sukar dilakukan apabila menggunakan objek sebenar. Selain faktor mesra pengguna, [Chirwa \(2018\)](#) menyatakan bahawa penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu perubahan yang sangat berkesan serta dapat meningkatkan efisien pedagogi pembelajaran dan dapat menjimatkan masa dan ruang. Penggunaan teknologi juga dapat meningkatkan mutu dan kaedah penyampaian pengajaran seperti kepelbagaian penggunaan bahan multimedia interaktif (video, grafik, muzik, animasi dan sebagainya) ([Thulasimani Munohsamy, 2014](#)).

Sejumlah 55.6% daripada keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi kesukaran untuk mengakses dan menggunakan aplikasi tersebut secara dalam talian di luar waktu kerja. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kesungguhan yang tinggi untuk menerokai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi mempersiapkan diri serta mengasah kemahiran mereka menggunakan teknologi tersebut. Walau bagaimanapun, apabila sesuatu perubahan diperkenalkan, pihak institusi perlu menyediakan rancangan yang lengkap, kursus yang bersesuaian dan mengenal pasti kebolehan para guru balik melaksanakan pembaharuan ini ([Roschelle et al., 2000](#)). Guru seharusnya tidak perlu memperuntukkan lebih masa mereka di luar waktu kerja untuk mempersiapkan diri terhadap pembaharuan yang diperkenalkan ini. Masa yang fleksibel juga perlu diperuntukkan apabila perubahan sistem ini diperkenalkan. Lambakkan pembaharuan yang diperkenalkan tanpa perancangan dan persediaan yang teratur akan memberi kesan terhadap proses pengajaran ([Zulkifli et al., 2021](#)) dan menyebabkan guru kurang bermotivasi untuk meneruskan pembaharuan berasaskan teknologi ini. Selain itu, terdapat juga guru yang sanggup meluangkan masa di luar waktu kerja untuk menerokai dan melatih diri terhadap penggunaan teknologi ini. Kebanyakan guru yang sanggup meluangkan masa sendiri menerokai penggunaan teknologi ini adalah di kalangan guru yang mempunyai minat yang tinggi terhadap pelaksanaan kelas secara dalam talian serta mempunyai kemahiran asas terhadap penggunaan teknologi ini ([Watson & Tinsley, 1995](#)).

Kesediaan menyediakan bahan pengajaran secara dalam talian ini dipersetujui oleh 57.4% daripada keseluruhan responden yang terlibat. Kemahiran guru dan fakulti menyediakan bahan pengajaran yang teratur bagi pelaksanaan kelas secara dalam talian merupakan antara aspek utama yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan pengajaran secara dalam talian ([Menchaca & Bekele, 2008](#)). Tambahan lagi, dalam kajian yang dilakukan oleh [Martin et al. \(2019\)](#), beliau menyatakan bahawa penyediaan bahan pengajaran dan aktiviti yang jelas dan tersusun dapat meningkatkan motivasi pelajar semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ([Pollanen, 2007](#)). Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh [Paliwal et al. \(2021\)](#), reka bentuk kursus yang meliputi penyediaan bahan, aktiviti kursus dan sebagainya tidak memberi kesan kepada tahap kesediaan guru. Malah, kesediaan kemahiran penggunaan teknologi memberi kesan yang tinggi terhadap tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan

pembelajaran secara dalam talian. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan, perancangan dan kesediaan awal dari pelbagai segi perlu dilakukan. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi guru dan pelajar, malah ia juga dapat meningkatkan efisien kerja guru.

Tahap kesediaan institusi terhadap pengajaran secara dalam talian berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan [Garad et al. \(2021\)](#), [Bennett \(2010\)](#), [Ehlers \(2018\)](#), [Schulze \(2016\)](#) dan [Wang et al. \(2008\)](#). Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi tahap kesediaan institusi PAKK ini. Yang pertama adalah faktor kesediaan infrastruktur. Menurut kajian ini, institusi PAKK di Malaysia masih lagi tidak menyediakan kemudahan infrastruktur dengan baik bagi memudahkan pelaksanaan pendidikan secara dalam talian. [Joo dan Bennet \(2018\)](#) menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur teknologi merupakan komponen utama bagi membolehkan kaedah pengajaran secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tambahan lagi, sumber pengajaran secara dalam talian juga perlu disediakan oleh institusi dengan lengkap. Beliau juga menjelaskan bahawa kewujudan modul *e-learning* membolehkan aktiviti dan interaksi secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Institusi yang menyediakan modul dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang lengkap membolehkan pelajar melaksanakan tugas yang diberikan secara fleksibel.

Seterusnya adalah kesesuaian aplikasi dalam talian. Pihak institusi pendidikan perlu memastikan bahawa aplikasi dalam talian yang dipilih dan digunakan perlu menepati ciri-ciri aplikasi yang dapat memudahkan serta membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Pemilihan LMS yang kurang sesuai akan menyebabkan produktiviti guru berkurang ([Panda, 2020](#)). Tambahan lagi, antara ciri-ciri yang perlu ada dalam LMS bagi memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah sistem pengurusan maklumat yang berkesan, kemudahan navigasi dan pemantauan, kemudahan mengakses, kemudahan penggunaan, kemudahan alat komunikasi dan fleksibiliti ([Atun et al., 2006](#)). [Cavus et al. \(2007\)](#) juga menegaskan bahawa kekurangan elemen dalam sistem pengurusan pembelajaran secara dalam talian akan menyebabkan pembelajaran yang dilaksanakan kurang efektif.

Akhir sekali adalah keberkesanan aplikasi dalam talian yang diperkenalkan oleh institusi. Keberkesanan aplikasi secara dalam talian adalah penentuan kepada motivasi pelajar ([Dulkaman & Mohamad Ali, 2016](#)). Masalah aplikasi ini akan menyebabkan tahap akademik pelajar berkurang semasa pengendalian kelas secara dalam talian ([Shahzad et al. 2021](#)). Sebaliknya, jika penggunaan aplikasi dalam talian ini berkesan, ia akan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dari segi bahasa ([Arulselvi, 2011](#)).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan yang rendah antara tahap kesediaan institusi dan guru pendidikan awal kanak-kanak terhadap pelaksanaan pengajaran secara dalam talian. Dapatan ini adalah selari dengan teori kesediaan organisasi untuk berubah oleh [Weiner \(2009\)](#). [Weiner \(2009\)](#) dalam teori tersebut menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tahap kesediaan organisasi dan tahap kesediaan ahli organisasi tersebut. [Holt \(2002\)](#) menggariskan enam dimensi kesediaan untuk berubah di kalangan guru dan sokongan pengurusan (institusi) merupakan antara dimensi yang mempengaruhi kesediaan untuk berubah bagi para guru ([Raja Abdullah & Md Nawi, 2018](#)).

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan oleh [Raja Ismail dan Ismail \(2018\)](#) di mana dapat kajian beliau menunjukkan sokongan pengurusan terhadap kesediaan untuk

berubah guru aras rendah berada pada tahap yang tinggi. Inandi dan Gilic (2016) menyatakan faktor personal juga merupakan antara aspek yang memberi kesan terhadap tahap kesediaan seseorang terhadap sesuatu perubahan. Pernyataan ini disokong oleh Schwarz dan Bohner (1996) di mana beliau menggariskan bahawa persepsi, sikap dan kepercayaan individu adalah penting bagi menjayakan sesuatu perubahan. Hubungan antara kedua pemboleh ubah ini adalah pada tahap yang rendah. Ini bermakna, jika institusi pendidikan awal kanak-kanak kurang bersedia dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian, ia akan memberi kesan kepada tahap kesediaan guru tetapi tidak ketara. Hal ini kerana kesediaan dan sokongan institusi dari pelbagai aspek bukan faktor utama yang menjejaskan tahap kesediaan guru. Holt (2002) telah menggariskan beberapa aspek lain termasuklah aspek kewajaran untuk berubah, komunikasi, efikasi, velens personal dan diskrepansi. Tambahan lagi, kajian ini menggariskan beberapa elemen yang mempengaruhi tahap kesediaan guru prasekolah. Antara aspek yang mempengaruhi tahap kesediaan guru yang tidak berkaitan dengan kesediaan oleh institusi adalah kemudahan peranti teknologi dan capaian internet di rumah, kemahiran berinteraksi secara dalam talian, motivasi dan rasa ingin tahu untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan kemudahan penggunaan aplikasi. Empat aspek ini berada pada tahap yang sederhana tinggi di mana ia menunjukkan aspek ini mempengaruhi tahap kesediaan guru pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia

6. Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dan institusi PAKK berada pada tahap yang sederhana. Selari dengan teori kesediaan organisasi untuk berubah oleh Weiner (2009), kesediaan sesuatu organisasi memberi kesan kepada tahap kesediaan ahli organisasi. Kajian ini telah menggariskan bahawa terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru dan institusi PAKK. Kaedah dan kesediaan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian ini adalah amat penting bagi membolehkan serta meningkatkan perkembangan dan pemahaman kanak-kanak pada peringkat awal pembelajaran secara dalam talian. Lima cabaran utama terhadap pelaksanaan pengajaran secara dalam talian telah digariskan. Lima cabaran tersebut adalah masalah kemudahan peranti teknologi dan capaian internet (Mahalingam & Jamaludin, 2022) tidak biasa dengan kaedah pembelajaran secara dalam talian (Dong et al, 2020; Yıldırım, 2021), sukar untuk membuat hubung kait antara teori dan praktikal (Yıldırım, 2021) dan masalah interaksi antara guru dan pelajar (Muhammad, 2020).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian Ini Ditaja Oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Melalui Dana Khas Galakkan Penyelidikan (GG-2020-017)

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Arulsevi, E. (2011). Effect Of Instructional Media In The Learning Of English Grammar On The Achievement Of Teacher Training Students At Namakkal District. *Journal on English Language Teaching*, 1(3), 23–31. <https://doi.org/10.26634/jelt.1.3.1598>
- Atun, R. A., Menabde, N., Saluvere, K., Jesse, M., & Habicht, J. (2006) Implementing complex health innovations—primary health care reforms in Estonia: multimethod evaluation. *Health Policy*, 79, 79–91.
- Baek, Y., Jung, J., & Kim, B. (2008) What Makes Teachers Use Technology In The Classroom? Exploring The Factors Affecting Facilitation Of Technology With A Korean Sample. *Computers & Education*, 50(1). 224-234. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2006.05.002>.
- Bennett, K. W. (2010). *A Case Study of Perceptions of Students, Teachers, And Administrators on Distance Learning and Music Education In New Found land And Labrador: A Constructivist Perspective* [Master Thesis, Memorial University of Newfoundland]. <https://research.library.mun.ca/8703/>
- Cabelles, D., & Panol, R. (2021). Teachers' Readiness Level on Online Teaching: Embracing Distance Learning Modality. *CiiT International Journal of Software Engineering and Technology*, 12(4), 75-81.
- Cavus, N., Uzunboylu, H., & Ibrahim, D. (2007). Assessing The Success Rate Of Students Using A Learning Management System Together With A Collaborative Tool In Web-Based Teaching Of Programming Languages. *Journal of Educational Computing Research*, 36(3), 301-321. <https://doi.org/10.2190/T728-G676-4N18-68>
- Chirwa, M. (2018). Access and use of internet in teaching and learning at two selected teachers' colleges in Tanzania. *The International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology*, 14(2), 4-16.
- Dulkaman, N.S & Mohamad Ali, A. (2016). Factors influencing the success of learning management system (LMS) on students' academic Performance. *International Young Scholars Journal of Languages*, 1(1), 36-49.
- Dong, C., Cao, S., & Li, H. (2020). Young Children's Online Learning During COVID-19 Pandemic: Chinese Parents' Beliefs and Attitudes. *Children and Youth Services Review*, 118, 105-440. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2020.105440>
- Dziuban, C., Hartman, J.L. & Moskal, P. (2004). Blended learning. *Research Bulletin*, 7. 1-12.
- Ehlers, U. (2018). Quality in e-Learning from a learner's perspective. *European Journal of Open, Distance and E-Learning*, 23. <https://doi.org/10.4000/dms.2707>.
- Ferianda, M. R., Herdiani, A., & Sardi, I. L. (2018). Increasing Students Interaction in Distance Education Using Gamification. *International Conference on Information and Communication Technology (ICoICT)*, 125-129. <https://doi.org/10.1109/icoict.2018.8528765>

- Garad, A., Al-Ansi, A. M., & Qamari, I. N. (2021). The Role Of E-Learning Infrastructure and Cognitive Competence in Distance Learning Effectiveness During the Covid-19 Pandemic. *Cakrawala Pendidikan: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 40(1), 81–91. <https://doi.org/10.21831/cp.v40i1.33474>
- Garret, R., Citkowicz, M., & Williams, R., (2019) How Responsive Is a Teacher's Classroom Practice to Intervention? A Meta-Analysis of Randomized Field Studies. *Review of Research in Education*, 43(1), 106–137. <https://doi.org/10.3102/0091732x19830634>
- Gherhes, V., Stoian, C., Farcasiu, M., & Stanici, M. (2021). E-Learning vs. Face-To-Face Learning: Analyzing Students' Preferences and Behaviors. *Sustainability*, 13(8), 4381. <https://doi.org/10.3390/su13084381>
- Guilford, J.P. (1956) The Guilford-Zimmerman Aptitude Survey. *The Personnel and Guidance Journal*, 35, 219-223. <https://doi.org/10.1002/j.2164-4918.1956.tb01745.x>
- Holt, D. T. (2002) *Readiness for change: The development of a sale*. Thesis (Ph. D.)--Auburn University.
- Hondonga, J., Chinengundu, T. & Maphosa, P. K. (2021) Online Teaching of TVET Courses: An Analysis of Botswana Private Tertiary Education Providers Responsiveness to the Covid-19 Pandemic Learning Disruption., *TVET Asia*, 16. 1-4.
- Huang, B & Hew, K. (2016). Measuring Learners' ,ptovatopn Level in Massive Open Online Courses. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(10), 759-764. <https://doi.org/10.7763/ijiet.2016.v6.788>
- Idaryani, I. & Fidyati, F. (2021). The Influence of Digital Technology on Students' Motivation in Learning English Specific Purpose. *Journal of English Language and Education*, 6(1), 69–81. <https://doi.org/10.31004/jele.v6i1.96>
- Inandi, Y & Giliç, F. (2016). Relationship of Teachers' Readiness for Change with Their Participation in Decision Making and School Culture. *Educational Research Review*, 11(8), 823–833. <https://doi.org/10.5897/err2016.2730>
- Joo, B., & Bennett, R. H., III. (2018). The Influence of Proactivity On Creative Behaviour, Organizational Commitment, And Job Performance: Evidence From A Korean Multinational. *Journal of International and Interdisciplinary Business Research*, 5(2).
- Kibaru, F. (2018). Supporting Faculty to Face Challenges in Design and Delivery of Quality Courses in Virtual Learning Environments. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 19(11), 176-197. <https://doi.org/10.17718/tojde.471915>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607– 610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lee, J. (2014). An exploratory study of effective online learning: Assessing satisfaction levels of graduate students of mathematics education associated with human and design factors of online course. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 15(1). 111-132. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v15i1.1638>.
- Mahalingam, N., & Jamaludin, K.. (2022) Impak Dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran. *Jurnal dunia Pendidikan*, 3(4). 104-115.
- Martin, F., Wang, C., Jokiah, A., May, B., & Grübmeier, S. (2019). Examining Faculty Readiness to Teach Online: A Comparison of US and German Educators. *The European Journal of Open, Distance and E-Learning*, 22(1), 53–69. <https://doi.org/10.2478/eurodl-2019-0004>
- Menchaca, M., & Bekele, T. (2008) Learner and Instructor Identified Success Factors in Distance Education. *Distance Education*. 29(3), 231-252. <https://doi.org/10.1080/01587910802395771>.

- Muhammad, A. (2020). The 21st Century Learning As A Knowledge Age: The Effects On Teacher's Transforming Teacher's Knowledge In Technology-Rich Environment In Social Studies Education. *Journal Of Critical Reviews*, 7(7). <https://doi.org/10.31838/jcr.07.07.46>
- Mohammadi, F., Radfar, M., & Hemmati, M. (2021) Workplace challenges and nurses recovered from COVID-19. *Nursing Ethics*, 29(2), 280-292. <https://doi.org/10.1177/09697330211020439>
- Monogharan, M. W., Karuppanan, G., & Chiong, K. K. (2018). Exploring Teachers' Readiness, Knowledge and Attitudes Towards Inclusive Education in The District Of Sibu, Sarawak, Malaysia. *Contemporary Educational Researches Journal*, 8(4). 148-157. <https://doi.org/10.18844/cerj.v8i3.3630>
- Paliwal, M., & Singh, A. (2021) Teacher readiness for online teaching- learning during COVID -19 outbreak: a study of Indian institutions of higher education. *Interactive Technology and Smart Education*, 18(3), 403-421. <https://doi.org/10.1108/itse-07-2020-0118>
- Panda, S. (2020). Mobile Librarianship: An Initiative of New Normal. *International Research Journal of Multidisciplinary Studies*, 6(9), 15-25. <http://doi.org/10.5281/zenodo.4047716>.
- Pedro, N. S., & Kumar, S. (2020) Institutional Support for Online Teaching in Quality Assurance Frameworks. *Online Learning*, 24(3). <https://doi.org/10.24059/olj.v24i3.2309>
- Polat, E., Hopcan, S., & Yahşi, Ö. (2022) Are K-12 Teachers Ready for E-learning? *The International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 23(2), 214-241. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v23i2.6082>
- Pollanen. M. (2007) Improving Learner Motivation with Online Assignments. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 3(2).
- Quah, W. B., Ahmad, R., & Desa, N. (2021) Kesiediaan pembelajaran dan pengajaran dalam talian (pdpdt) dan penguasaan kemahiran teknologi oleh staf kolej komuniti sungai petani: satu tinjauan. *Malaysian Online Journal of Education*, 5(1), 46-53. Retrieved from <https://attarbawiy.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/57>
- Quinn, R., & Gray, G. (2020) Prediction of student academic performance using Moodle data from a Further Education setting. *Irish Journal of Technology Enhanced Learning*, 5(1). <https://doi.org/10.22554/ijtel.v5i1.57>.
- Raja Abdullah, N.N., & Md Nawî, N. H. (2018) Kesiediaan untuk Berubah Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2), 40-59. <http://103.101.244.124/journal/index.php/insaniah/article/view/15>
- Raja Ismail, R.A., & Ismail, D. (2018) Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45-65. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>
- Roschelle, J., Pea, R., Hoadley, C., Gordin, D. N., & Means, B. (2000) Changing How and What Children Learn in School with Computer-Based Technologies. *The Future of children / Center for the Future of Children*, 10(2). 76-101. <https://doi.org/10.2307/1602690>.
- Schulze, S. (2016) Socializing postgraduate students to success in an open and distance learning environment. *South African Journal of Higher Education*, 30(4), 277-290. <https://doi.org/10.20853/30-4-578>
- Shahzad, A., Hassan, R., Aremu, A.Y., Hussain, A., & Lodhi, R.N. (2021) Effects of Covid-19 In E-Learning on Higher Education Institution Students: The Group Comparison

- Between Male and Female. *Quality & Quantity*, 55(3), 805–826. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01028-z>
- Schwarz, N., & Bohner, G. (1996). Feelings and their motivational implications: Moods and the action sequence. In P. M. Gollwitzer & J. A. Bargh (Eds.), *The psychology of action: Linking cognition and motivation to behavior*. 119–145.
- Tai Hui Ling & Suziyani Mohamed. (2022). Kesediaan Guru Bagipembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid 19. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2),80-89.
- Thulasimani. M. (2014) Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan. *Jurnal IPA*, 23(1).
- Wang, Y., Peng, H., Huang, R., Hou, Y., & Wang, J. (2008). Characteristics of distance learners: Research on relationships of learning motivation, learning strategy, self-efficacy, attribution and learning results. *Open Learning: The Journal of Open, Distance and e-Learning*, 23(1), 17-28. <https://doi.org/10.1080/02680510701815277>.
- Watson. D., & Tinsley. D. (1995). Integrating Information Technology into Education. *IFIP International Federation for Information Processing*. 1868-4238. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-34842-1>
- Weiner, B.J. (2009) A Theory of Organizational Readiness for Change. *Implementation Science*, 4(1). <https://doi.org/10.1186/1748-5908-4-67>
- Yıldırım, B. F. (2021). Preschool Education in Turkey During the Covid-19 Pandemic: A Phenomenological Study. *Early Childhood Education Journal*, 49(5), 947–963. <https://doi.org/10.1007/s10643-021-01153-w>
- Zulkifli, N. A., Zaitun, N., Rozimela., Yenni., & Mirawati (2021). Online Applications to Support Remote Classroom Dialogue and Assessment. *Journal of physics: Conference Series*, 1, 1742-6596. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1779/1/012039>